



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

HUMS
HOSPITAL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI (KRIS)



PROGRAM SEMARAK SISWA MADANI SABAH SMK PEKAN II, KOTA BELUD

Program Semarak Siswa Madani (SSM) yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tanggal 16 Jun 2023 lalu merupakan usaha kementerian memberi panduan para pelajar serta Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) untuk berbakti kepada komuniti dengan menawarkan empat (4) komponen pelaksanaan iaitu KPT Prihatin Madani, Student for Society (S4S), Knowledge Transfer Program @ Komuniti, dan TVET @ Komuniti Madani.



Oleh itu, Hospital UMS menerusi Program KRIS (KPT Prihatin Madani) telah melaksanakan Program Kesehatan di SMK Pekan II, Kota Belud pada 16 Julai 2023 (Ahad). Seramai 35 kakitangan Hospital UMS terlibat dan diketuai oleh Encik Samsudin bin Nurdin (Timbalan Pengarah Pengurusan dan Operasi). Selain itu, seramai 250 orang termasuk para pelajar telah menghadiri program tersebut.



**TARIKH: 16 JULAI 2023
(AHAD)**



**LOKASI: SMK PEKAN II,
KOTA BELUD**



PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- Stesen Saringan dan Pemeriksaan Asas Kesehatan:

Pasukan HUMS telah melaksanakan saringan kesihatan awal untuk mengenal pasti sebarang masalah kesihatan semua pelajar sekolah dan tetamu jempuan yang hadir.

PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI (KRIS)

PROGRAM SEMARAK SISWA MADANI SABAH SMK PEKAN II, KOTA BELUD

- **Stesen Konsultasi Pakar Kesihatan Pegawai Perubatan**

Pasukan HUMS telah memberikan peluang kepada pelajar sekolah dan tetamu jemputan yang hadir dapat berjumpa dengan pegawai perubatan secara langsung untuk mendapatkan nasihat perubatan.

- **Stesen Bicara Kesihatan Mental:**

Para pengunjung juga boleh berkongsi masalah berkaitan beberapa cara menjaga kesihatan mental antaranya ialah menguruskan diri sendiri dengan cara menyedari kelemahan dan kekuatan diri dan mengawal emosi dengan baik.



- **Stesen Pemberian Ubat - ubatan Percuma:**

Pasukan HUMS telah menyediakan perubatan percuma untuk masalah kesihatan ringan dan memberikan ubat-ubatan yang diperlukan kepada pelajar sekolah dan tetamu jemputan yang hadir.



- **Stesen Pemeriksaan Khas Wanita**

Pasukan HUMS telah menawarkan perkhidmatan saringan kanser kulit dan payudara untuk mengesan sebarang keabnormalan dan memberikan nasihat serta panduan kepada para pengunjung. Seterusnya, pasukan HUMS juga telah mengadakan kempen kesedaran kanser payudara untuk memberikan maklumat penting mengenai pencegahan, pengesanan awal dan penjagaan kesihatan kepada penduduk wanita yang hadir.



PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI (KRIS)

PROGRAM SEMARAK SISWA MADANI SABAH SMK PEKAN II, KOTA BELUD



• Stesen Runding Cara Pemakanan

Pasukan HUMS telah menyediakan stesen dietetik yang membolehkan para pengunjung mendapatkan khidmat nasihat secara terus berkenaan diet pemakanan yang sihat bersama pegawai dietetik.



• Stesen Perawatan Kesihatan dan Kebersihan Diri

Pasukan HUMS memberikan taklimat kepada pelajar sekolah dan tetamu jempunan yang hadir berkenaan cara-cara penjagaan kebersihan diri yang sepatutnya dan memberi tunjuk ajar cara-cara membasuh tangan. Selain itu, pemberian ubat cacing secara percuma juga diberikan kepada pelajar sekolah.



• Stesen Taklimat dan Praktikal Rawatan Kecemasan

Pasukan HUMS telah menyediakan stesen khusus kepada para pengunjung untuk mempelajari cara-cara memberi bantuan pertolongan cemas seperti bantuan penafasan (CPR).